

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : 22 Mei 2023

SITASI :

M/S :

Iszahanid, H. (2023, May 22). Kurang Usaha perkasa Jawi ancam Kajian Teks Lama - berita harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2023/05/1104395/kurang-usaha-perkasa-jawi-ancam-kajian-teks-lama>



# Kurang usaha perkasa jawi ancam kajian teks lama

Oleh [Hafizah Iszahanid](#) - Mei 22, 2023 @ 11:07am  
[hafiza@bh.com.my](mailto:hafiza@bh.com.my)



Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan, Datuk Zainal Abidin Borhan. Gambar Arkib NSTP

KUALA LUMPUR: Malaysia berhadapan kekurangan ahli filologi tulen menyebabkan banyak manuskrip lama gagal dikaji meskipun jumlah yang berada dalam simpanan

**Perpustakaan Negara Malaysia** juga Dewan Bahasa dan Pustaka mencecah ribuan naskhah.

Sebaliknya, apa yang berlaku ketika ini kebanyakan penyelidik atau sarjana hanya membuat kajian berdasarkan teks yang sudah dirumikkan sekali gus mengulang naskhah serupa.

Hal ini terjadi disebabkan kurangnya usaha untuk memperkasakan tulisan jawi apatah lagi apabila rumi mula digunakan secara meluas dalam sistem pendidikan pada 1960-an.

Bagi Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan, Datuk Zainal Abidin Borhan, isu lemahnya pemerkasaan tulisan jawi antara faktor mengapa Malaysia ketika ini ketandusan ahli filologi.

Zainal Abidin berkata, selain sistem pendidikan yang meminggirkannya, tulisan jawi juga selalu disalah anggap sebagai hal berunsurkan agama.

Justeru tegasnya meskipun terdapat inisiatif memasukkannya kembali dalam sistem pendidikan, terdapat tentangan bermotif politik yang akhirnya menyaksikan usaha itu gagal.

"Jawi ini lebih selalu dikaitkan dengan Islam, ia kurang tepat menyebabkan langkah memasukkannya dalam sistem pendidikan ditentang.

"Sedangkan ia adalah sistem tulisan untuk bahasa Melayu seperti mana bahasa lain di dunia yang masing-masing mempunyai sistem tulisan sendiri," katanya.

Katanya, Menteri Pendidikan sebelum ini pernah berusaha untuk memperkasakan kembali sistem tulisan jawi dalam sistem pendidikan tetapi usaha itu terkandas akibat salah faham pelbagai pihak.



Kekurangan ahli filologi tulen menyebabkan banyak manuskrip lama gagal dikaji meskipun jumlah yang berada dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia juga Dewan Bahasa dan Pustaka mencecah ribuan naskhah. Gambar hiasan/ Arkib NSTP

Zainal Abidin berkata, kekurangan ahli filologi itu juga disebabkan jurusan berkaitan seperti Pengajian Melayu tidak begitu popular dalam kalangan mahasiswa. Selain ia juga mengalami perubahan struktur yang tidak lagi mensyaratkan penguasaan kemahiran jawi.

Jurusan itu juga katanya tidak begitu popular dalam kalangan pelajar kerana dilihat tiada nilai ekonomi. Justeru tegas Zainal Abidin, ketika ini Fakulti Pengajian Islam juga seharusnya mengambil inisiatif melahirkan ahli filologi apatah lagi kebanyakan manuskrip lama adalah naskhah agama.

"Peranan ahli filologi ini penting dalam memperkayakan khazanah ilmu bangsa. Kalau kita menyimpan ribuan naskhah tetapi ia tidak dikaji, apakah maknanya?

"Kekhuatiran kita tidak ada pelapis yang boleh meneruskan usaha kajian terhadap manuskrip. Ia sekali gus akan mengehadkan jumlah naskhah klasik yang ditranslitrasi dan menyekat usaha penyebaran ilmu," katanya.

Tegas beliau, satu daripada sebab mengapa ahli filologi tulen diperlukan adalah disebabkan membaca dan memahami tulisan jawi itu perlu ketelitian.

Hal ini kerana semua manuskrip adalah naskhah yang berusia puluhan atau ratusan tahun, justeru ia memerlukan kemahiran bukan sedikit untuk memahami maksud sebenar setiap patah kata.

"Misalnya pertikaian ejaan jawi yang dibunyikan Hang Tuah dan Hang Tuha begitu juga bumi atau bom, ejaannya mirip dan ia dibunyikan ikut kemahiran dan pemahaman pengkaji.

"Kerana itu kami menghormati semua pandangan. Misalnya jika Ahmat (Adam) menyebut Hang Tuha berdasarkan pemahaman dan kemahirannya kami tidak menolak.

"Mungkin susulan kontroversi antara Hang Tuah dan Hang Tuha itu menjadi sebab mengapa naskhah yang beliau transliterasikan mendapat permintaan tinggi," katanya.

Selain itu katanya, manuskrip jawi dulu tidak ada ejaan yang standard berbanding hari ini. Justeru jika manuskrip jawi lama dibaca dengan standard sistem yang ada sekarang, ia mungkin tidak membawa makna tepat.



Kurangnya usaha untuk memperkasakan tulisan jawi menyebabkan tidak ramai lagi rakyat Malaysia yang mampu membaca dalam tulisan itu. Gambar hiasan/ Arkib NSTP

Atas keadaan sebeginilah katanya mengapa kemahiran, latihan dan pemahaman pengkaji itu memainkan peranan.

Tegas Zainal Abidin, disebabkan keperluan untuk memperbanyak jumlah ahli filologi, Yayasan Karyawan menawarkan geran kepada mereka yang berminat melanjutkan pengajian sama ada peringkat sarjana atau doktor falsafah.

Tambahnya, secara jujur kursus sebegini mungkin kurang diminati jika ia ditandai dengan nilai ekonomi. Sebaliknya ia perlu dilihat dalam konteks akademik dan tanggungjawab memperkaya khazanah bangsa.

"Kajian begini juga lambat membawa pulangan namun hasil penyelidikannya sangat berbaloi untuk masyarakat.

"Namun, alangkah malang jika ketamadunan Melayu gagal dikaji oleh anak bangsanya sendiri lalu perlu bergantung harap kepada sarjana asing," katanya.

Zainal Abidin berkata, setakat ini Yayasan Karyawan sudah menerbitkan tujuh buah naskhah karya agung dengan beberapa judul diulang cetak. Antara judul terbaharu yang dicetak yayasan itu adalah Sayr Al-Salikin dan Hikayat Iskandar Zulkarnain.

Sementara judul seperti Hikayat Merong Mahawangsa; Tuhfat al Nafis versi Virginia Matheson; Sulalatus Salatin oleh Ahmat Adam dan Tajus Salatin ( Jelani Harun) antara yang mendapat permintaan tinggi dan diulang cetak.